

## **Analisis Setahun Laporan Sebenarnya.my Sebelum dan Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14**

SULAIMAN SALLEH  
sulaiman@kuis.edu.my

KALTHOM HUSAIN  
kalthom@kuis.edu.my

WAWARAH SAIDPUDIN  
wawarah@kuis.edu.my

ZIKMAL FUAD  
zikmal@kuis.edu.my

NORAZLA ABDUL WAHAB  
norazla@kuis.edu.my

ABD GANING LAENGGANG  
abdulganing@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### ***ABSTRAK***

Sebelum Pilihanraya Umum Ke-14, media sosial kerap menjadi tempat yang digunakan oleh pelbagai pihak untuk menyatakan pandangan dan pendirian mereka terhadap sesuatu isu yang ditularkan. Terdapat segelintir di antara para pemimpin dan orang ramai beranggapan kebanyakan laporan yang disiarkan di media sosial adalah palsu, fitnah dan sebagainya. Kajian ini dilakukan berdasarkan objektif menilai jumlah data maklumat dikategorikan waspada, palsu dan penjelasan di laman sesawang yang dikaji dalam tempoh setahun, iaitu semasa Pilihanraya Umum Ke-14. Kaedah kutipan data pula dilakukan dengan mengumpul data dari November 2017 hingga November 2018 iaitu enam bulan sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-14. Data yang diperolehi itu dianalisa dan ditunjukkan dalam bentuk jadual. Hasil analisa didapati sejumlah 1107 data diperolehi sepanjang tempoh kajian. Data penjelasan sebanyak 530 (47.88 peratus); Waspada: 174 (15.72%) dan Palsu: 403 (36.40%). Didapati juga data palsu yang cenderung ke arah fitnah sebanyak 36.40 peratus berbanding data cenderung kejadian benar berlaku (penjelasan dan waspada) sebanyak 704 (63.60 peratus). Pada jadual kedua, analisa jumlah data enam bulan sebelum PRU-14 didapati sejumlah 569 data diperolehi. Data penjelasan sebanyak 262 (46.05 peratus); Waspada: 85 (14.94 peratus) dan Palsu: 222 (39.02 peratus). Data yang diperolehi juga menunjukkan data palsu yang cenderung ke arah fitnah sebanyak 39.02 peratus berbanding data cenderung kejadian benar berlaku (penjelasan dan waspada) sebanyak 347 (60.99 peratus). Pada jadual ketiga, jumlah data enam bulan selepas PRU-14 pula didapati sejumlah 475 data diperolehi sepanjang tempoh kajian. Data penjelasan sebanyak 228 (48 peratus); waspada: 80 (16.84 peratus) dan palsu: 167 (35.16 peratus). Daripada data terbabit juga didapati data palsu yang cenderung ke arah fitnah sebanyak 35.16 peratus berbanding data cenderung kejadian benar

berlaku (penjelasan dan waspada) sebanyak 308 (64.84 peratus). Pada jadual keempat, bandingan data cenderung kejadian benar dan cenderung fitnah (November 2017-November 2018) pula didapati sejumlah 1107 data diperolehi sepanjang tempoh kajian. Data cenderung kejadian benar sebanyak 704 (63.60 peratus); data cenderung ke fitnah sebanyak 403 (36.40 peratus). Kajian yang dilakukan ini berupaya dipertimbangkan kajian yang lebih mendalam mengenai maklumat yang disebar di media sosial pada masa kini dan akan datang. Kajian seperti ini berupaya membantu mengurangkan masalah sebaran maklumat palsu, tidak benar, fitnah di media sosial yang berupaya mengugat kestabilan masyarakat.

*Kata Kunci: Laporan, Pilihanraya Umum*

## **PENGENALAN**

Laman web yang mempunyai hubungan dengan pelbagai laman web yang lain (portal) yang dikenali sebagai Sebenarnya.my secara rasmi dirasmikan pada 14 Mac 2017 oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia ketika itu, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak. Perasmian diadakan di Auditorium Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cyberjaya.

Berdasarkan laman web rasmi, dinyatakan bahawa Sebenarnya.my adalah sebuah ‘pusat sehenti’ bagi rakyat Malaysia untuk menyemak sebelum berkongsi berita yang tidak ditentukan kesahihannya. Samada diterima secara dalam talian melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog laman sesawang dan sebagainya.

Dipaparkan juga slogan portal ini iaitu “Tidak Pasti, Jangan Kongsi”. Pelayar portal yang diuruskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ini boleh mendapatkan maklumat kesahihan sesuatu berita yang tersebar di media sosial sejak tahun 2001.

Kewujudan portal ini adalah lebih setahun sebelum Pilihanraya Umum ke-14, yang diadakan pada 9hb Mei 2018. Kajian ini dilakukan lebih setahun iaitu enam bulan sebelum dan selepas PRU-14.

### **Latarbelakang kajian**

Sebelum Pilihanraya Umum Ke-14, media sosial kerap menjadi tempat yang digunakan oleh pelbagai pihak untuk menyatakan pandangan dan pendirian mereka terhadap sesuatu isu yang menular di kalangan masyarakat melalui media sosial. Terdapat segelintir di antara para pemimpin dan orang ramai beranggapan kebanyakan laporan yang disiarkan di media sosial adalah palsu, fitnah dan sebagainya.

Laporan sedemikian membuatkan segelintir pengguna media sosial terutama di negara ini terkeliru, malah terdapat juga yang terpengaruh dengan sebaran maklumat yang mengelirukan atau dikatakan mengandungi unsur fitnah.

### **Pernyataan permasalahan**

Hari ini, media sosial sering dikaitkan dengan penyebaran fitnah yang dikatakan memberi kesan buruk kepada masyarakat yang menggunakan media sosial berkenaan.

Pelbagai kaedah dan usaha berterusan yang dilakukan oleh pihak masyarakat, pemimpin masyarakat dan pemimpin negara, namun penyebaran fitnah di medium berkenaan masih dan terus berlaku.

Kaedah yang sesuai mengurangkan fitnah di media sosial haruslah diperolehi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat akan bahayanya fitnah melalui media sosial berkenaan. Unsur fitnah dalam media sosial juga berupaya memberi kesan pada struktur masyarakat.

### **Objektif kajian**

Kajian ini dilakukan untuk:

- i) Menilai *jumlah* data maklumat dikategorikan waspada, palsu dan penjelasan yang disenaraikan di laman sesawang Sebenarnya.my dalam tempoh setahun kajian semasa Pilihanraya Umum Ke-14.
- ii) Menilai *pembahagian* data maklumat dikategori waspada, palsu dan penjelasan yang disenaraikan di laman sesawang Sebenarnya.my dalam tempoh setahun kajian semasa Pilihanraya Umum Ke-14.

### **Sumbangan kajian**

Kajian yang dilakukan ini berupaya dipertimbangkan kajian yang lebih mendalam mengenai maklumat yang disebarkan di media sosial pada masa kini dan akan datang. Kajian seperti ini berupaya membantu mengurangkan masalah sebaran maklumat palsu, tidak benar, fitnah di media sosial yang berupaya mengugat kestabilan masyarakat.

### **Skop kajian**

Kutipan data dilakukan bermula November 2017 hingga November 2018 iaitu enam bulan sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-14. Kesemua data diperolehi dari laman sesawang Sebenarnya.my.

### **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kutipan data dilakukan dengan mengumpul data dari laman sesawang Sebenarnya.my bermula November 2017 hingga November 2018 iaitu enam bulan sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-14. Data yang diperolehi itu dianalisa dan ditunjukkan dalam bentuk jadual supaya dapat dilihat dengan lebih mudah.

Analisis data yang diperlehi adalah selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Macnamara (2005) bahawa matlamat utama analisis kandungan media adalah untuk memahami makna dengan lebih mendalam. Kandungan tersebut termasuklah mesej, makna, perkataan, simbol, visual dan setara dengannya untuk dikomunikasikan (Neuman 1997).

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif ini juga selari dengan pandangan Bogdan & Biklen (1998) menyatakan bahawa analisis kandungan dokumen yang berupa berita mengenai politik yang dimuat naik di media sosial iaitu laman Facebook akhbar atas talian.

### **HASIL KAJIAN**

Laman sesawang Sebenarnya.my membahagikan maklumat yang disiarkan kepada kepada kategori utama, national dan sosial. Kategori utama membabitkan maklumat dilihat harus diketahui oleh pelayar laman sesawang itu. Kategori national pula merangkumi maklumat berkaitan bencana, ekonomi, keselamatan, pendidikan, pengangkutan, urus tabir. Sementara kategori sosial berkaitan jenayah, kesihatan dan kepenggunaan.

## Hasil kajian dan perbincangan

Berikut adalah hasil maklumat yang diperolehi dari laman sesawang Sebenarnya.my:

**Jadual 1: Jumlah data setahun sebelum dan selepas PRU-14**

<i>Bulan/Tahun</i>	<i>Status</i>			<b>Jumlah</b>
	<i>Penjelasan</i>	<i>Waspada</i>	<i>Palsu</i>	
November 2017	33	13	33	79
Disember 2017	44	14	30	88
Januari 2018	52	18	55	125
Februari 2018	39	10	40	89
Mac 2018	43	15	30	88
April 2018	51	15	34	100
* Mei 2018	40	9	14	63
Jun 2018	53	12	26	91
Julai 2018	55	15	48	118
Ogos 2018	60	15	26	101
September 2018	28	15	25	68
Oktober 2018	22	16	19	57
November 2018	10	7	23	40
<b>Jumlah Besar (peratus)</b>	530 (47.88%)	174 (15.72%)	403 (36.40%)	1107 (100%)

Berdasarkan Jadual 1, didapati sejumlah 1107 data diperolehi sepanjang tempoh kajian. Data penjelasan sebanyak 530 (47.88 peratus); Waspada: 174 (15.72%) dan Palsu: 403 (36.40%). Daripada data juga penyelidik mendapati data palsu yang cenderung ke arah fitnah sebanyak 36.40 peratus berbanding data cenderung kejadian benar berlaku iaitu penjelasan dan waspada sebanyak 704 (63.60 peratus).

**Jadual 2: Jumlah data enam bulan sebelum PRU-14**

<i>Bulan/Tahun</i>	<i>Status</i>			<b>Jumlah</b>
	<i>Penjelasan</i>	<i>Waspada</i>	<i>Palsu</i>	
November 2017	33	13	33	79
Disember 2017	44	14	30	88
Januari 2018	52	18	55	125
Februari 2018	39	10	40	89
Mac 2018	43	15	30	88
April 2018	51	15	34	100
<b>Jumlah Besar (peratus)</b>	262 (46.05 %)	85 (14.94 %)	222 (39.02%)	569 (100%)

Berdasarkan Jadual 2, didapati sejumlah 569 data diperolehi sepanjang tempoh kajian. Data penjelasan sebanyak 262 (46.05 peratus); Waspada: 85 (14.94 peratus) dan Palsu: 222 (39.02 peratus). Daripada data juga penyelidik mendapati data palsu yang cenderung ke arah fitnah sebanyak 39.02 peratus berbanding data cenderung kejadian benar berlaku iaitu penjelasan dan waspada sebanyak 347 (60.99 peratus).

**Jadual 3: Jumlah data enam bulan selepas PRU-14**

<i>Bulan/Tahun</i>	<i>Status</i>			<b>Jumlah</b>
	<i>Penjelasan</i>	<i>Waspada</i>	<i>Palsu</i>	
Jun 2018	53	12	26	91
Julai 2018	55	15	48	118
Ogos 2018	60	15	26	101
September 2018	28	15	25	68
Oktober 2018	22	16	19	57
November 2018	10	7	23	40
<b>Jumlah Besar (peratus)</b>	228 (48.00%)	80 (16.84%)	167 (35.16%)	475 (%)

Berdasarkan Jadual 3, didapati sejumlah 475 data diperolehi sepanjang tempoh kajian. Data penjelasan sebanyak 228 (48 peratus); Waspada: 80 (16.84 peratus) dan Palsu: 167 (35.16 peratus). Daripada data terbabit juga penyelidik mendapati data palsu yang cenderung ke arah fitnah sebanyak 35.16 peratus berbanding data cenderung kejadian benar berlaku iaitu penjelasan dan waspada sebanyak 308 (64.84 peratus).

**Jadual 4: Bandingan data cenderung kejadian benar dan cenderung fitnah (November 2017-November 2018)**

Bulan	Cenderung Kejadian Benar	Cenderung Kejadian Fitnah	Jumlah (100%)
November 2017 - April 2018	347	222	569
* Mei 2018	49	14	63
Jun 2018 - November 2018	308	167	475
<b>Jumlah Besar (peratus)</b>	704 (63.60%)	403 (36.40%)	1107

Berdasarkan Jadual 4, didapati sejumlah 1107 data diperolehi sepanjang tempoh kajian. Data cenderung kejadian benar sebanyak 704 (63.60 peratus); data cenderung ke fitnah sebanyak 403 (36.40 peratus).

## **PENUTUP DAN CADANGAN**

Kajian yang dilakukan ini kajian awal yang tidak merangkum pelbagai bidang yang menyokong kepadatan hasil kajian. Kajian yang lebih mendalam seperti apakah bentuk berita fitnah yang terdapat di media sosial, tahap kesedaran masyarakat terhadap penularan berita fitnah di media sosial, bagaimanakah bentuk model kawal selia diri dalam kalangan masyarakat yang perlu diadoptasi bagi mengurangkan penularan berita fitnah di media sosial.

Kajian mendalami ilmu-ilmu berkaitan serta kajian-kajian berkaitan dalam bidang komunikasi, perundangan dan agama juga harus dilakukan untuk mengurangkan penyebaran maklumat yang berupaya mengugat kestabilan masyarakat.

Beberapa lokasi untuk mendapatkan bahan-bahan kajian antaranya melalui jurnal, buku akademik, kajian-kajian lalu di beberapa lokasi seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Perpustakaan Negara, dan beberapa tempat yang menyimpan bahan kajian atau penerbitan mengenai fitnah di media sosial juga harus dilakukan.

Turut dicadangkan kajian penggunaan media sosial ini di kalangan masyarakat pada hari ini, terutamanya masyarakat Melayu. Fokus kajian ini perlu bagi membolehkan pendekatan mengikut agama Islam boleh digunakan bagi mencapai matlamat kajian ini dilakukan.

Beberapa pandangan individu mengenai kajian juga perlu dikumpul antaranya editor akhbar, mufti, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, pensyarah yang pakar dalam jenayah siber.

Kajian ini masih diperingkat awal, kajian lanjutan seperti dicadangkan adalah cara terbaik untuk mengurangkan penyebaran maklumat palsu serta mengandungi unsur-unsur fitnah di media sosial. Maklumat seperti itu harus disekat kerana ia berupaya mengugat kestabilan harmoni di kalangan masyarakat, seterusnya mengugat kestabilan negara.

### **Rujukan**

- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. 1998. Foundations of qualitative research in education. *Qualitative Research in Education: An Introduction to Theory and Methods*, 1-48.
- Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa, Mohd Rajib Ab Ghani. *Penulisan Media Massa*. Penerbit Universiti Malaysia Perlis, Kangar, Perlis. 2016.
- Salasiah Hanim Hamjah. *Dakwah dan Perubahan Sosiobudaya*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 2016.
- Merriam, S.B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Macnamara, J. 2005. Media content analysis: Its uses, benefits and best practice methodology. *Asia Pacific Public Relations Journal*, 6(1), 1-34.
- Neuman, W. 1997. *Social research methods: qualitative and quantitative approaches*. Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- www.Sebenarnya.my (2019). Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Cyberjaya. Selangor.
- www.utusan.com.my (2017). Utusan Melayu (M) Bhd. Kuala Lumpur.